

25 AUG 2001

Shafie-Pelaburan

PELABURAN ASING KE MALAYSIA DIJANGKA TERUS MENINGKAT

MUAR, 25 Ogos (Bernama) -- Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh berkata Malaysia yakin terus menerima pelaburan asing secara langsung (FDI) melebihi RM2.4 bilion tahun ini berbanding RM1.6 bilion yang diperolehi sepanjang tahun lalu.

Katanya, keyakinan itu berdasarkan pandangan positif ahli-ahli perniagaan dari Amerika Syarikat dan Jerman terhadap Malaysia yang dinyatakan dalam lawatan mereka ke negara ini baru-baru ini.

"Ahli-ahli perniagaan Amerika Syarikat misalnya menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang stabil di rantau ini dan jauh lebih maju daripada yang digambarkan oleh akhbar-akhbar di negara mereka," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen menambah anggota Umno anjuran Umno Bahagian Ledang di sini, hari ini.

Beliau berkata mereka berpendapat generasi muda Malaysia boleh berkomunikasi dengan mereka dengan baik dan memberikan kelebihan kepada Malaysia berbanding golongan muda di negara lain yang cuma senyum sahaja apabila ditanyakan soalan kerana tidak fasih berbahasa Inggeris.

"Anak kita, kata mereka, lebih cepat menerima pengetahuan yang baru," tambah beliau sambil menyatakan kebolehan remaja negara menguasai lebih dari satu bahasa akan membantu mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara.

Shafie berkata begitu juga dengan ahli-ahli persatuan perniagaan Jerman yang menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir baru baru ini, yang yakin dengan kestabilan negara ini dan akan terus melabur di sini.

Shafie yang juga Anggota Majlis Tertinggi UMNO percaya matlamat meningkatkan bilangan anggota parti sebanyak 10 peratus atau 400,000 orang pada tahun ini akan menjadi kenyataan ekoran daripada maklum balas yang diterima daripada kempen menambah ahli yang dijalankan di seluruh negara.

Kejayaan itu termasuk hasil kempen Pergerakan Pemuda dan Puteri UMNO yang sedang dilaksanakan sekarang.

Beliau juga berkata orang ramai sudah sedar bahawa pembangkang hanya mengkritik program yang dilaksanakan oleh kerajaan tetapi tidak pernah memberikan pilihan lain yang lebih baik.

"Kita melaksanakan apa yang pernah kita janjikan kepada rakyat, bukan sekadar mengkritik seperti mereka," katanya.

-- BERNAMA

SO MNY FAZ